


TAKAFULINK DANA DINAMIK

HELAIAN FAKTA DANA UTAMA 2023



TAKAFUL & KAMI

Takaful secara harfiah bermaksud tanggungjawab, keterjaminan, jaminan kolektif dan usahasama. Secara umum, takaful adalah berasaskan aturan kerjasama (Ta'awun) berdasarkan prinsip-prinsip kesepakatan dan solidariti, merangkumi unsur-unsur perlindungan dan kepentingan bersama. Takaful ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, iaitu perkiraan berasaskan pertolongan secara kolektif yang di bawahnya peserta takaful bersetuju menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama bagi menyediakan manfaat kewangan bersama untuk dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu.

Bergantung pada model takaful yang diluluskan, caruman peserta akan disalurkan ke dana berasingan untuk pelaburan. Dana-dana* kami hanya dilaburkan di dalam pelaburan patuh Syariah, dalam dan luar negara. Setiap pelaburan dibuat selepas mengambil kira risiko dan pulangan yang terlibat.

Di Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN), kami mendukung nilai-nilai ini melalui amalan profesional bagi menyediakan segala keperluan peserta. Nilai-nilai ini amat jelas dalam setiap transaksi sekaligus menjadikan kami sebagai pilihan berhemat.

Melalui rangkaian agensi dan rakan niaga, kami menyediakan pelbagai produk inovatif yang melindungi setiap aspek kehidupan anda. Daripada perlindungan ke simpanan dan keperluan kerohanian, setiap produk kami dicipta untuk memberikan ketenangan minda anda.

** Dana-dana Takafulink adalah instrumen pelaburan patuh Syariah.*

TAKAFULINK DANA DINAMIK

Ciri-ciri Dana	
Objektif Pelaburan	Takafulink Dana Dinamik (Dana) bertujuan untuk menyediakan peningkatan nilai modal dengan melabur secara aktif dalam ekuiti patuh Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah. Sebagai pertimbangan defensif, Dana mungkin akan dilabur dalam sukuk dan instrumen pasaran wang Islam.
Strategi & Pendekatan Pelaburan	<p>Dana bertujuan untuk mencapai objektifnya dengan melabur dalam skim pelaburan kolektif Islam (Dana Sasaran) yang bertujuan untuk mencapai objektifnya melalui pelaksanaan strategi peruntukan aset fleksibel di antara kelas aset berlainan dalam ekuiti patuh Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah, sukuk dan aset cair Islam, bergantung kepada unjuran pasaran pelaburan.</p> <p>Dana Sasaran akan dipantau untuk menilai prestasi, proses, kaedah dan kedudukan. Peruntukan kepada, atau Dana Sasaran mungkin berubah jika dianggap tidak sesuai untuk memenuhi objektif Dana.</p> <p><i>Nota: Rujuk kepada pernyataan tambahan untuk butiran Dana Sasaran.</i></p>
Peruntukan Aset	<ul style="list-style-type: none">• Sehingga 100% Nilai Aset Bersih (NAV) Dana dalam Dana Sasaran; dan• Baki NAV Dana yang tidak dilaburkan di dalam Dana Sasaran akan dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islam.
Tanda Aras Prestasi	<p>50% Indeks Syariah EMAS FTSE Bursa Malaysia (FBMS) + 50% Kadar Deposit-i Tetap Islam MBB 12-bulan</p> <p><i>Maklumat lanjut mengenai FBMS boleh didapati daripada laman web Bursa Malaysia, https://www.bursamalaysia.com/.</i></p> <p><i>Maklumat lanjut mengenai Kadar Deposit-i Tetap Islam MBB 12-bulan boleh didapati daripada laman web Maybank2u, https://www.maybank2u.com.my/.</i></p>
Pengurus Dana	Eastspring Al-Wara' Investments Berhad (200901017585 (860682-K))

Yuran & Caj	
Caj Wakalah Pengurusan Aset	1.25% setahun
Caj-caj Lain	Termasuk: <ul style="list-style-type: none">• Yuran audit• Caj lain yang dibenarkan

TAKAFULINK DANA DINAMIK

Penyataan Tambahan untuk Takafulink Dana Dinamik

Takafulink Dana Dinamik disalurkan ke dalam Eastspring Investments Dana Dinamik, yang diuruskan oleh Eastspring Al-Wara' Investments Berhad (Pengurus Dana Sasaran).

Sila ambil perhatian bahawa anda akan dikenakan caj tahunan *Wakalah* pengurusan aset sebanyak 1.25% pada peringkat Dana dan tiada caj tahunan *Wakalah* pengurusan aset pada peringkat Dana Sasaran.

Prestasi Dana

Tahun	Prestasi Sebenar	Tanda Aras^^
2023	3.17%	1.79%
2022	(8.08%)	(4.27%)
2021	2.26%	(2.43%)
2020	13.93%	6.63%
2019	6.76%	3.62%
2018**	(5.97%)	(6.51%)

** Takafulink Dana Dinamik dilancarkan pada 8 Januari 2018. Prestasi dana adalah dari tarikh pelancaran dana sehingga akhir tahun bagi tahun yang sama (pulangan bukan tahunan).

^^ 50% FBMS + 50% Kadar Deposit-i Tetap Islam MBB 12-bulan

Sejarah Prestasi Dana untuk Dana Sasaran, Eastspring Investments Dana Dinamik adalah seperti berikut:

Tahun	2023	2022	2021	2020	2019
Prestasi Bersih (%)	3.14	(8.98)	3.72	14.77	7.23
Tahun	2018	2017	2016	2015	2014
Prestasi Bersih (%)	(6.90)	18.16	(3.42)	12.03	4.55

Prestasi dikira pada NAV[#] (tahun *n*-1) hingga NAV[#] (tahun *n*) dengan pendapatan kasar atau dividen yang dilaburkan semula.

[#] NAV di sini merujuk pada Nilai Aset Bersih Eastspring Investments Dana Dinamik.

Maklumat lanjut mengenai Dana Sasaran boleh didapati daripada <https://www.eastspring.com/my/>.

TAKAFULINK DANA DINAMIK

Prestasi Dana

Asas pengiraan prestasi sebelumnya:

$$= \frac{\text{NAV}^* \text{ untuk tahun } n}{\text{NAV}^* \text{ untuk tahun } n-1} \% - 100\%$$

* NAV di sini merujuk pada Nilai Aset Bersih Dana.

Nota Penting: Prestasi lampau Dana bukan satu petunjuk untuk prestasi masa hadapan. Ini adalah prestasi untuk dana pelaburan semata-mata, bukan pulangan yang diperolehi daripada sumbangan sebenar yang dibayar untuk produk takaful berkaitan pelaburan.

Harga Hadapan

Unit diwujudkan dan dibatalkan pada tarikh penentuan harga berikutnya selepas penerimaan sumbangan atau pemberitahuan tuntutan.

Faktor Risiko & Strategi Pengurusan Risiko

Sila rujuk Lampiran 1 untuk Faktor Risiko dan Strategi Pengurusan Risiko yang terperinci.

TAKAFULINK DANA DINAMIK

Maklumat Lain	
Pasaran Sasaran	Peserta yang mempunyai toleransi risiko yang sederhana hingga tinggi dan jangka masa pelaburan yang sederhana.
Asas & Kekerapan Penilaian Unit	<ul style="list-style-type: none">• Penentuan harga unit dilakukan setiap hari.• Harga unit dikira berdasarkan pada nilai pasaran aset-aset sandaran Dana, perbelanjaan bersih dan dibahagikan mengikut bilangan unit yang dikeluarkan.• Nilai Dana ialah nilai semua aset dana Takafulink tertentu selepas ditolak perbelanjaan untuk mengurus, memperoleh, menyelenggara dan menilai aset dana tersebut, cukai (jika ada) atau levi berkanun lain yang ditanggung oleh Syarikat ke atas pendapatan pelaburan atau keuntungan modal ke atas aset Dana dan sebarang pendapatan terakru atau jangkaan.• Dana tidak membayar sebarang dividen. Semua pendapatan dan keuntungan modal secara automatik dilabur semula dalam harga unitnya.• Harga unit ialah harga tunggal di mana unit diwujudkan dan dibatalkan.• Tarikh penilaian ialah tarikh seperti yang ditentukan oleh PruBSN dari semasa ke semasa, tetapi tidak kurang kerap daripada sekali sehari, untuk tujuan menentukan harga unit.• Harga unit Dana akan dinilai pada akhir setiap hari perniagaan (Tarikh Penilaian), Bagaimanapun, oleh kerana nilai pelaburan Dana semasa akhir Tarikh Penilaian berkaitan hanya akan diketahui pada hari perniagaan seterusnya, penentuan harga unit Dana untuk Tarikh Penilaian berkenaan hanya akan diterbitkan dan dimaklumkan selepas 2 hari perniagaan seterusnya (T+2).
Keadaan Pengecualian	<ul style="list-style-type: none">• PruBSN boleh menggantung harga unit dan menangguhkan pengeluaran atau penebusan unit, mahupun beralih kepada mana-mana dana, di bawah Dana ini untuk tempoh yang munasabah, misalnya intervensi yang mengakibatkan penutupan sementara mana-mana bursa saham atau penggantungan saham tertentu di mana Dana dilaburkan. Dalam keadaan sedemikian, notis untuk penggantungan mungkin dikeluarkan dan mungkin dimaklumkan kepada Peserta bagi permintaan untuk penambahan, pertukaran, penebusan atau pengeluaran kepada/dari mana-mana dana Takafulink tersebut.• PruBSN boleh menggantung penentuan harga unit dan urus niaga sijil jika Pengurus Dana Sasaran menggantung langganan kepada Dana Sasaran tersebut. <p><i>Senarai keadaan pengecualian di atas adalah tidak lengkap, sila rujuk dokumen sijil anda untuk butiran lanjut.</i></p>

TAKAFULINK DANA DINAMIK

Maklumat Mengenai Dana Sasaran

Eastspring Investments Dana Dinamik

Strategi Pelaburan

Dana Sasaran menyasarkan untuk mencapai objektifnya melalui pelaksanaan strategi peruntukan aset fleksibel di antara kelas aset berlainan dalam ekuiti patuh Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah, sukuk dan aset cair Islam, bergantung kepada unjuran pasaran pelaburan.

Dana Sasaran boleh melabur dalam sukuk, yang tertakluk kepada semakan sebagaimana dianggap sesuai oleh Pengurus Dana Sasaran dari semasa ke semasa. Cara ini memberikan fleksibiliti kepada Dana Sasaran untuk bertukar kepada ekuiti patuh Syariah apabila keadaan menjadi kondusif, sebagai contoh semasa tempoh pasaran ekuiti mengalami lonjakan.

Pada bila-bila masa, Dana Sasaran boleh memegang 100% aset cair Islam.

Dana Sasaran mungkin melabur dalam sukuk dengan penarafan kredit minimum BBB3 atau P2 oleh RAM, atau penarafan yang setaraf dengannya oleh mana-mana agensi penarafan tempatan yang lain. Sekiranya penarafan kredit sukuk dituruntaraf ke bawah penarafan kredit minimum oleh agensi penarafan, Pengurus Dana Sasaran boleh melupuskan sukuk berkenaan di pasaran.

Dana Sasaran diuruskan secara aktif. Bagaimanapun, kekerapan aktiviti dagangan akan bergantung kepada peluang pasaran dan penilaian oleh Pengurus Dana Sasaran.

Penafian:

Helaian fakta dana utama ini disediakan oleh Prudential BSN Takaful Berhad ("PruBSN") untuk maklumat am dan tujuan ilustrasi sahaja dan tidak sepatutnya dijadikan asas untuk membuat keputusan pelaburan, kewangan atau keputusan-keputusan lain. Walaupun bahan-bahan yang digunakan dalam penyediaan profil dana ini diperolehi daripada sumber-sumber yang boleh dipercayai, PruBSN tidak menjamin ketepatan dan kesempurnaan maklumat. Sebarang analisis dan pendapat yang dinyatakan adalah tertakluk kepada perubahan tanpa notis. Prestasi masa lalu tidak menjamin keputusan masa hadapan. Para pembaca dinasihatkan untuk menghubungi PruBSN atau ejen-ejennya untuk butiran lanjut dan penjelasan maklumat yang berkaitan dengan produk yang ditawarkan oleh kami. PruBSN dan mana-mana syarikatnya yang berkaitan menafikan sebarang liabiliti walau apa pun sifatnya, sekiranya para pembaca mengalami kerugian apabila mereka hanya bergantung kepada kandungan maklumat di dalam profil dana ini.

TAKAFUL

Untuk Semua. Untuk Kehidupan

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)
Tingkat 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat, 55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.

Talian Khidmat Pelanggan: +603 2775 7188
E-mel: customer@prubsn.com.my

www.prubsn.com.my



*Semua maklumat dianggap sah pada tarikh penerbitan.
Terbitan Mac 2024.*